


**Soalan 1 - 26**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

1. Siakap ialah nama bagi sejenis \_\_\_\_\_.

- |          |           |
|----------|-----------|
| A kucing | B ayam    |
| C ikan   | D kambing |

**Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.**



2. Encik Omar bekerja sebagai \_\_\_\_\_.

- |                 |          |
|-----------------|----------|
| A tentera       | B polis  |
| C pembaca meter | D posmen |


3. "\_\_\_\_\_ akan ke Kelantan esok," kata Fairus dan Salikin kepada Bahrudin.

- |        |        |
|--------|--------|
| A Kamu | B Kami |
| C Kita | D Anda |

4. Ayah membawa \_\_\_\_\_ sekeluarga makan angin ke Cameron Highlands.

- |          |          |
|----------|----------|
| A kalian | B saya   |
| C kami   | D mereka |


Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



5 Puan Faizah sedang \_\_\_\_\_ kain songket.

- |            |           |
|------------|-----------|
| A menjahit | B meneñun |
| C menyulam | D menekat |

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



6 Pak Karim sedang \_\_\_\_\_ sawah dengan menggunakan kerbau.


- |              |              |
|--------------|--------------|
| A membajak   | B bajak      |
| C membajakan | D pembajakan |

7 Air yang \_\_\_\_\_ jangan disangka tiada buaya.

- |          |          |
|----------|----------|
| A jernih | B deras  |
| C keruh  | D tenang |

- 8 Kucing Huda sungguh \_\_\_\_\_ dan manja.  
A jinak                                   B garang  
C mesra                                 D galak
- 9 Mak Timah tidak dapat menoreh getah pada hari ini  
\_\_\_\_\_ hujan.  
A kecuali                                 B lalu  
C dengan                                 D kerana
- 10 Alif pasti mendapat keputusan peperiksaan yang lebih baik  
\_\_\_\_\_ dia rajin belajar.  
A serta                                   B apabila  
C jika                                    D kecuali

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.



- 11 Rambut pengemis itu \_\_\_\_\_ dan pakaianya koyak.  
A comot-momot                         B koyak-rabak  
C kusut-masai                           D bolak-balik
- 12 Usahlah kita mudah percaya dengan cerita \_\_\_\_\_  
itu.  
A keluh-kesah                           B karut-marut  
C kelam-kabut                           D kacau-bilau

13 \_\_\_\_\_ Mas Noraini datang, tolong serahkan bungkusan ini kepadanya.

- |                 |                  |
|-----------------|------------------|
| A      Selepas  | B      Sekiranya |
| C      Walaupun | D      Oleh itu  |


14 \_\_\_\_\_ cara untuk membuat kuih karipap?

- |                  |                     |
|------------------|---------------------|
| A      Apakah    | B      Manakah      |
| C      Berapakah | D      Bagaimanakah |

15 \_\_\_\_\_ kamu akan mula belajar di sekolah itu?

- |                     |                   |
|---------------------|-------------------|
| A      Bagaimanakah | B      Mengapakah |
| C      Bilakah      | D      Berapakah  |

Soalan 16 berdasarkan gambar di bawah.



16 Puan Suzalina sedang \_\_\_\_\_ bawang sebelum digoreng.

- |                  |                 |
|------------------|-----------------|
| A      menghiris | B      memotong |
| C      membelah  | D      meracik  |


17 Pokok-pokok durian itu \_\_\_\_\_ oleh ayah di belakang rumah.

- A menanam                                    B tanaman  
C ditanam                                    D ditanami

18 Puan Aisyah membeli beberapa \_\_\_\_\_ kelapa untuk dibuat serunding.

- A batang                                    B buah  
C butir                                    D biji

Soalan 19 berdasarkan gambar di bawah.



19 Puan Azwani membeli tiga \_\_\_\_\_ sayur kangkung di pasar.


- A jambak                                    B kuntum  
C ikat                                        D tangkai

20 \_\_\_\_\_ semua penonton dapat duduk di tempat masing-masing .

- A Jangan                                    B Tolong  
C Jemput                                    D Harap

- 21 "\_\_\_\_\_ makan juadah yang tidak seberapa ini," kata Puan Azlina kepada tetamu yang hadir ke rumahnya.
- A Sila                                    B Jemput  
C Jangan                                D Tolong
- 22 Emak memasukkan pakaian kotor ke dalam \_\_\_\_\_.
- A mesin basuh                        B mesin kira  
C mesin pengisar                     D mesin jahit

**Soalan 23 berdasarkan gambar di bawah.**



- 23 Ramnah menjadi \_\_\_\_\_ melihat kain di kedai itu yang cantik-cantik.
- A mata keranjang                    B gelap mata  
C rambang mata                     D rabun mata
- 24 Halim \_\_\_\_\_ untuk ke majlis perkahwinan itu kerana hujan turun dengan lebatnya.
- A sakit hati                        B panas hati  
C suka hati                         D tawar hati

- 25 Se \_\_\_\_\_ burung berterbang ke arah selatan.
- A kawan                            B kumpulan  
C angkatan                        D gerombolan
- 26 \_\_\_\_\_ murid dikehendaki hadir untuk menjalani pemeriksaan kesihatan yang diadakan pada hari esok.
- A Separuh                        B Suku  
C Semua                          D Setengah
- 27 Salmah pendiam orangnya. Sepatah ditanya, sepatahlah juga yang dijawabnya.  
Perkataan **berlawan** bagi pendiam ialah
- A riuh                             B bising  
C senyap                         D becok
- 28 Ayub mendakap ibunya dengan erat.  
Perkataan **seerti** bagi mendakap ialah
- A memeluk                        B memegang  
C menarik                        D merentap
- 29 Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.  
Adakah kamu datang lewat ke sekolah semalam ?
- A Bukan saya yang datang lambat ke sekolah semalam.  
B Tidak, semalam saya tiba awal di sekolah.  
C Ya, saya datang awal semalam .  
D Aiman yang datang lewat semalam.

30. Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi ayat di bawah :-

Mungkin esok atau lusa saya akan bercuti ke Langkawi.

- A Bilakah kamu akan ke Langkawi?
- B Siapakah yang akan ke sana?
- C Mengapakah kamuakan ke Langkawi?
- D Adakah kamu akan bercuti ke Langkawi?

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pak Razak Seorang Penoreh

Pak Razak penoreh getah. Dia ke kebun getah pada pukul 7.00 pagi. Anak sulungnya, Adib, selalu membantunya pada masa cuti sekolah.

Sebaik sahaja tiba di kebun getah, Pak Razak memungut getah beku. Getah beku itu dimasukkan ke dalam baldi.

Kemudian, Pak Razak akan menoreh sebatang demi sebatang pokok getah. Setelah semua getah ditoreh, dia memasukkan semua getah beku ke dalam guni.

Pak Razak akan membawa getah beku ke kedai peraih. Peraih itu akan menjualkan getah beku kepada pengusaha kilang getah. Di kilang getah, getah beku diproses. Getah yang telah diproses itu akan dijadikan pelbagai jenis barang.

31. Apakah pekerjaan Pak Razak?

- A Peraih
- B Pekebun getah
- C Penoreh getah
- D Pengusaha kilang

32. Apakah yang dilakukan oleh Pak Razak sejurus sampai di kebun getahnya?
- A Menoreh getah
  - B Menjual getah beku
  - C Memungut getah beku
  - D Menghantar getah ke kilang
33. Siapakah yang membeli getah beku daripada Pak Razak?
- A Peraih
  - B Pekedai
  - C Pekebun getah
  - D Pengusaha kilang
34. Di manakah getah beku diproses?
- A Di dalam baldi
  - B Kedai peraih
  - C Kilang getah
  - D Kebun getah
35. Antara yang berikut ialah barang-barang yang dihasilkan daripada getah kecuali
- A Bola sepak
  - B Kerusi rotan
  - C Kasut sekolah
  - D Span pencuci pinggan

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

### Harimau

Harimau dikenali sebagai Pak Belang atau Sang Belang. Harimau ialah haiwan yang terbesar dalam keluarga kucing. Bulunya berbelang hitam dan kuning.

Harimau ini dapat hidup di kawasan sejuk, di paya bakau, di padang rumput atau di hutan tropika. Pada jata negara terdapat dua ekor harimau. Harimau itu melambangkan kegigihan, kekuatan dan keberanian rakyat Malaysia.

Lambang harimau juga digunakan oleh Pasukan Polis Diraja Malaysia, syarikat kereta nasional kita, iaitu Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON) dan Malayan Banking Sendirian Berhad. Pasukan Bola Sepak Malaysia menggunakan gelaran Harimau Malaya dan harimau dijadikan logo Persatuan Bola Sepak Malaysia itu.

Harimau Malaya yang dijadikan lambang kebangsaan dapat memupuk semangat jati diri rakyat Malaysia.

36. Apakah nama lain bagi harimau?

- A Kucing
- B Pak Belang
- C Pak Belalang
- D Sang Harimau

37. Antara yang berikut ialah tempat tinggal harimau kecuali?

- A Paya bakau
- B Kawasan salji
- C Hutan tropika
- D Padang rumput

38. Kegigihan, kekuatan dan keberanian rakyat Malaysia dilambangkan pada
- A Jata negara
  - B Kereta nasional
  - C Polis Diraja Malaysia
  - D Persatuan Bola Sepak Malaysia
39. Harimau Malaya ialah gelaran bagi ....
- A Pasukan Hoki Kebangsaan
  - B Pasukan Bola Sepak Malaysia
  - C Pasukan Bola Sepak Muda Malaysia
  - D Pasukan Bola Sepak Johor Darul Takzim
40. Namakan sebuah bank yang menggunakan lambing harimau.
- A Bank Islam Berhad
  - B Bank Negara Malaysia
  - C Bank Simpanan Nasional
  - D Malayan Banking Sendirian Berhad

KERTAS SOALAN TAMAT